

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
(KALABAKAN)**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan penuh dan lengkap mengenai cadangan pemberian tanda pengenalan diri IMM13 kepada pelarian perang Filipina, pendatang tanpa izin dan golongan yang dikategorikan sebagai orang tidak bernegara (stateless people) yang ramai terdapat di Sabah. Apakah kajian terperinci dan sesi libat urus bersama pemegang taruh (stakeholders) penduduk tempatan negeri Sabah telah dilaksanakan dan dapatan yang positif terhadap impak sosial kepada penduduk tempatan telah diambil kira.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses semakan silang di antara agensi pengeluar dokumen di Sabah iaitu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang mengeluarkan IMM13, Jabatan Ketua Menteri Sabah yang mengeluarkan Kad Burung-Burung dan Majlis Keselamatan Negara yang mengeluarkan Sijil Banci telah dilaksanakan pada tahun 2016. Hasil semakan silang tersebut mendapati jumlah keseluruhan pemegang ketiga-tiga dokumen tersebut adalah 136,055 orang. Jumlah tersebut merangkumi sebanyak 51,645 orang pemegang IMM13, 36,892 orang pemegang Kad Burung-Burung dan 47,518 orang pemegang Sijil Banci yang sah.

Merujuk kepada persoalan kedua Ahli Yang Berhormat berhubung isu Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR), pengeluaran Kad Pengenalan MyPR yang berstatus Penduduk Tetap oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan Kad Pengenalan MyPR, pemohon perlu mempunyai pasport yang sah dan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).